


## KPDNHEP ambil serius aduan pengguna

2020-02-16T18:19:10+08:00

oleh Henrietta Liza



Robin (dua kiri) menyampaikan hadiah utama kepada salah seorang pemenang cabutan bertuah expo berkenaan sambil disaksikan Michael (dua kanan) dan Shamsudin (kanan) di sini hari ini.

**KUCHING:** Kerajaan memandang serius aduan pengguna dan akan mengambil tindakan sewajarnya agar hak pengguna dilindungi, kata Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sarawak, Datuk Stanley Tan.

Bagaimanapun, orang ramai juga memainkan peranan yang sangat penting dalam membantu kerajaan menyalurkan maklumat salah laku peniaga atau penipuan di pasaran.

"Bukah sahaja maklumat kepada KPDNHEP, namun kepada pihak lain yang berkaitan," katanya menerusi teks ucapan yang diwakili dan dibacakan oleh Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Sarawak, Robin Emerson Empurai di Majlis Penutupan Ekspo Konsumer Sarawak 2020 di Vivacity Megamall, hari ini.

Justeru, pihak KPDNHEP melaksanakan program bagi mendidik pengguna ilmu kepenggunaan yang turut memberi peluang baik kepada orang ramai untuk berinteraksi secara terus kepada pegawai berkaitan.

Salah satu inisiatif pihaknya adalah penganjuran program bersama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti Persatuan Suara Konsumer Sarawak (COVAS) untuk mendekati pengguna dalam menyampaikan maklumat kepada masyarakat.

Ceramah kepenggunaan diadakan untuk menyampaikan informasi berkenaan fungsi dan perkhidmatan yang disediakan oleh jabatan dan agensi seperti KPDNHEP, Jabatan Keselamatan Jalan Raya, Forum Pengguna Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CFM) dan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit.

Platform itu jelas beliau memberi manfaat kepada pengguna dimana mengumpulkan lebih 30 agensi jabatan atau kerajaan yang berkait rapat dengan perkhidmatan kepada pengguna.

Sementara itu Presiden COVAS, Michael Tiong berkata orang ramai yang hadir ke ekspo berkenaan bermula 14 sehingga 16 Februari telah mendapat manfaat menerusinya.

"Pembeli rumah dari Sibu, Bintulu dan Miri telah diberitahu mana untuk membuat aduan mereka," katanya.

Beliau juga menyatakan harapan agar pihak jabatan kerajaan negeri yang tidak dapat menyertai tahun ini untuk turut serta pada penganjuran seterusnya eskspo yang akan dijalankan secara tahunan.

Hadir sama, Timbalan Presiden COVAS, Datuk Shamsudin Abdul Rahman.

